

SULIT
3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Ogos
2019

3756/2



2 $\frac{1}{2}$ jam

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2019

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
8. *Semua kertas jawapan hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

3756/2

©2019 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Jadual 1 menunjukkan Carta Akaun bagi Syarikat Delta Sendirian Berhad.

Kod	Akaun
1000 – 1999	Aset
2000 – 2999	Liabiliti
3000 – 3999	Ekuiti Pemilik
4000 – 4999	Belanja
5000 – 5999	Hasil


Jadual 1

Nyatakan nama akaun bagi setiap kod yang berikut.

Kod	Nama Akaun
2989	
5373	

[2 markah]

- (b) Berikut adalah carta aliran dokumen bagi urus niaga secara kredit antara pembeli dan pembekal.



Carta 1

Apakah X?

- (i) _____
 (ii) _____

[2 markah]

(c) Berikut adalah maklumat berkaitan Perniagaan Shamsuria.

Kadar Pusing Ganti Inventori	4 kali
Nisbah Semasa	3 : 1

Berikan tafsiran untuk setiap analisis di atas.

Analisis	Tafsiran
Kadar Pusing Ganti Inventori	
Nisbah Semasa	

[2 markah]

(d) Berikan dua faktor pembubaran perkongsian.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

(e) Berikut menunjukkan perbualan di antara dua orang ahli perniagaan.

Dato' Ridzwan :	Tahniah atas pelancaran paten baru produk kilang anda.
Datuk Ammar :	Terima kasih, Alhamdulillah.

- (i) Berdasarkan dialog di atas, apakah komponen kos pengeluaran yang terlibat?
- (ii) Berikan satu contoh lain bagi komponen kos tersebut.

[2 markah]

- 2 Syukran Enterprise ialah sebuah perniagaan yang menjual hasil-hasil laut yang beroperasi di Tanjung Dawai, Kedah. Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada buku perniagaannya.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2019

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Ogos 2018		84 050
Perabot	8 500	
Susut nilai terkumpul perabot		1 700
Kenderaan	55 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		5 500
Bank	31 710	
Tunai	1 000	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	27 470	13 090
Belian dan Jualan	24 700	62 200
Diskaun	330	560
Komisen		1 700
Insurans	4 400	
Inventori pada 1 Ogos 2018	16 910	
Alat tulis	420	
Pulangan	1 290	2 230
Angkutan masuk	760	
Kadar bayaran	800	
Ambilan	1 240	
Peruntukan hutang ragu		350
Hutang lapuk	600	
Sewa premis	4 800	
Gaji	24 000	
Pinjaman		33 000
Faedah atas pinjaman	450	
	204 380	204 380

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Julai 2019 bernilai seperti berikut :

Kad Inventori	Harga Kos	Harga Pasaran
	RM	RM
Ikan bilis halus	3 450	3 980
Ikan bilis mata biru	6 720	5 830
Ikan talang kering	2 690	2 430
Ikan kurau kering	1 740	2 110
Alat tulis	80	-

- (ii) Komisen belum diterima RM340.
- (iii) Insurans prabayar RM600.
- (iv) Seorang penghutang didapati telah muflis dan hutangnya sebanyak RM570 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Polisi susut nilai aset bukan semasa:

Aset bukan semasa	Kaedah pengiraan	Kadar susut nilai
Perabot	Atas kos	20% setahun
Kenderaan	Baki berkurangan	10% setahun

- (vii) Pemilik menggunakan 30% daripada jumlah keluasan premis perniagaan itu sebagai tempat kediamannya.
- (viii) Perniagaan membuat pinjaman bernilai RM36 000 dan dikenakan faedah 3% setahun bermula 1 Mac 2019. Bayaran pinjaman adalah secara ansuran selama 60 bulan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2019.
[14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019 dengan menunjukkan modal kerja.
[11 markah]

- 3 Puan Amalina seorang perniaga yang menjalankan Perniagaan Runcit AA Mart yang beroperasi di Pulau Langkawi, Kedah.

Baki-baki aset pada 31 Julai 2019 adalah seperti berikut:

	RM
Peralatan kedai	15 000
Premis	100 000
Tunai di tangan	2 280
Tunai di bank	40 530
Tunai runcit	350
Akaun Belum Terima	20 000

Maklumat dan perancangan berikut diperoleh bagi tempoh tiga bulan berakhir 31 Oktober 2019.

- (i) Jualan bulan Julai ialah RM40 000 dan dijangka meningkat 5% dan 10% bagi bulan Ogos dan September. Jualan bagi bulan Oktober dijangka kekal seperti bulan sebelumnya. Jualan tunai adalah separuh daripada jumlah jualan bulanan dan tempoh kredit yang diberikan kepada pelanggan adalah sebulan.
- (ii) Belian bagi bulan Julai ialah RM18 000 dan dijangka meningkat 5% pada bulan Ogos. Belian bagi bulan berikutnya adalah sama seperti bulan sebelum. Semua belian adalah secara tunai.
- (iii) Pemilik membawa masuk tunai RM2 500 dan komputer peribadi RM2 000 sebagai modal tambahan pada bulan September. Kadar susut nilai komputer adalah 10% atas kos.
- (iv) Perniagaan menggaji dua orang pekerja dengan bayaran gaji bulanan RM1 300 seorang dan pada bulan Oktober seorang pekerja lagi diambil bekerja dengan bayaran gaji minimum RM1 100.
- (v) Sebuah perisian perakaunan MyAccountingPro bernilai RM2 000 dijangka dibeli pada bulan Oktober.
- (vi) Pemilik bercadang untuk mengubahsuai premis perniagaan dengan membuat pinjaman RM30 000 selama 5 tahun dengan kadar faedah 5% setahun. Pinjaman dijangka diterima pada bulan Ogos dan bayaran ansuran bulanan pinjaman bermula pada bulan Oktober.

(vii) Belanja bulanan adalah seperti berikut:

	RM
Kadar Bayaran	550
Insurans	1 000
Belanja am	480

(viii) Sebuah van terpakai bernilai RM15 000 dijangka dibeli pada bulan Ogos untuk kegunaan perniagaan dengan bayaran deposit RM3 000. Baki van tersebut dibayar dalam tempoh 15 bulan bermula bulan berikutnya. Van disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(ix) Komisen jualan berjumlah RM375 hasil daripada jualan surat khabar dan jualan kad tambah nilai diterima pada akhir setiap tiga bulan bermula bulan Januari 2019.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2019.

[25 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dua soalan sahaja

- 4 Kelab Memanah Putra mempunyai ahli seramai 300 orang dan mengenakan yuran tahunan RM30 seorang. Pada tahun semasa, jumlah yuran yang diterima adalah RM8 700 termasuk yuran 5 orang ahli yang masih belum bayar pada tahun lepas dan 10 orang ahli yang telah membayar yuran bagi tahun hadapan.

Berikut adalah maklumat berkaitan kelab tersebut:

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
	RM	RM
Premis (Kos)	70 000	?
Alatan Memanah (Kos)	9 800	?
Akaun Belum Bayar	1 500	2 300
Bank	28 650	?
Inventori Alat Tulis	100	40
Kadar Bayaran Belum Bayar	-	90
Inventori Kafe	1 000	650
Susut Nilai Berkumpul Alatan Memanah	980	?

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran pertandingan memanah	1 350	Akaun Belum Bayar	11 200
Yuran ahli	8 700	Kadar bayaran	1 850
Jualan kafe	19 000	Insurans	500
		Kos ubahsuai premis	35 000
		Alat tulis	50
		Hadiah pertandingan memanah	890
		Upah pekerja kafe	1 200
		Belanja am	350

Maklumat tambahan:

- (i) Alatan Memanah disusutnilaikan 10% setahun atas nilai buku.
- (ii) Pada 31 Disember 2018, kelab telah menerima 10 set memanah yang didermakan oleh Datuk A'idz. Harga satu set alatan memanah tersebut adalah RM1 500.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Yuran [4 markah]
- b) Akaun Perdagangan kafe bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 [4 markah]
- c) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 [7 markah]
- d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 (bahagian Dana Terkumpul sahaja) [5 markah]

- 5 (a) Kilang Ayra adalah pengeluar produk kesihatan berjenama Diet Oat. Berikut adalah maklumat berkaitan kos pengeluaran bagi produk tersebut.

(i) Lengkapkan jadual di bawah.

Unit Keluaran	Jualan	Kos Berubah	Kos Tetap	Jumlah Kos
	RM	RM	RM	RM
0	0	0	5 000	5 000
1 000	3 000	1 000		
2 000				
3 000				

Andaikan kos berubah dan harga jualan seunit adalah malar. [3 markah]

(ii) Lakarkan graf titik pulang modal di **Lampiran 1** dengan menunjukkan:

- Garisan kos tetap
- Garisan jumlah kos
- Garisan jumlah hasil
- Titik Pulang Modal

[7 markah]

- 5 (b) Maklumat berikut dipetik daripada Kedai Nyatoh.

	31 Disember 2017 RM	31 Disember 2018 RM
Akaun Belum Terima	60 000	65 000
Hutang Lapuk	300	400
Hutang Lapuk Terpulih	-	1 000

Maklumat Tambahan:

- Seorang penghutang, Encik Jasmin telah menghilangkan diri dan hutangnya RM500 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- Peruntukan hutang ragu dianggarkan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun 2017 dan 2018 [4 markah]
- Akaun Hutang Lapuk Terpulih [1 markah]
- Petikan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan 31 Disember 2018 [5 markah]

- 6 (a) High Energy Berhad merupakan sebuah syarikat yang berkembang maju di dalam bidang automatif. Berikut merupakan petikan Penyata Kedudukan Kewangan (bahagian Ekuiti Pemilik) pada 31 Disember 2017.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017
(bahagian Ekuiti Pemilik)

	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
2 500 000 unit 5% Syer Keutamaan	2 500 000
1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	1 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa	1 500 000
	5 000 000

Pada 8 Januari 2018, Ahli Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk menerbitkan lagi 300 000 unit 5% Syer Keutamaan, 100 000 unit 6% Syer Keutamaan dan 500 000 unit Syer Biasa pada nilai tara kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 31 Januari 2018.

Pada 31 Disember 2018, syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan Syer Biasa pada kadar 3%.

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh pada 31 Januari 2018. [6 markah]
(ii) Dividen akhir [6 markah]

- 6 (b) Encik Lazim pemilik perniagaan Kedai Runcit Saudagar memulakan perniagaan pada 1 Julai 2018. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaan menggunakan sistem catatan bergu.

Baki berikut diambil daripada buku catatan perniagaan beliau.

	1 Julai 2018	30 Jun 2019
	RM	RM
Perabot	7 000	12 400
Kenderaan (Kos)	22 500	22 500
Bank	1 500	?
Akaun Belum terima	3 670	9 860
Inventori	11 570	21 030
Akaun Belum Bayar	4 680	6 556
Gaji prabayar	-	460
Kadar bayaran belum bayar	370	-
Modal	41 190	?

Maklumat tambahan :

- (a) Pada 1 November 2018, Encik Lazim telah menggunakan wang sendiri untuk membeli perabot bernilai RM 6 200. Perkara ini belum direkodkan dalam buku perniagaan.
- (b) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- (c) Encik Lazim membuat ambilan tunai RM150 dan inventori bernilai RM280 setiap dua bulan sekali untuk kegunaan keluarganya.
- (d) Baki akhir Akaun Bank menunjukkan baki overdraf berjumlah RM358.

Anda dikehendaki menyediakan:

- i. Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2019. [4 markah]
- ii. Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT